

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2004/2005

Mei 2005

BOI 103/3 – Biokimia Sel

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas ini mengandungi dua bahagian A dan B.

Bahagian A. WAJIB dijawab. Jawab atas kertas soalan.

Bahagian B. Pilih TIGA (3) daripada EMPAT (4) soalan.
Semua soalan membawa jumlah markah yang sama.

Bahagian A (Wajib)**Soalan 1**

- 1.1 Organel-organel yang manakah yang terlibat di dalam sistem perembesan sesuatu sel?
- I mitokondria
II jalinan endoplasma
III nukleus
IV jasad golgi
- A. II dan IV
B. III dan IV
C. II, III dan IV
D. I, II dan III
E. I, II, III dan IV
- 1.2 Fosfogliserida dikenali sebagai lipid amfipatik kerana ia
- A. Boleh mengion
B. Mempunyai pKa yang tinggi
C. Mempunyai rantai hidrokarbon yang panjang
D. Mempunyai rantai hidrokarbon dan kumpulan fosfat
E. Mempunyai kumpulan amino dan karboksil
- 1.3 Membran sel terdiri daripada
- A. Karbohidrat sahaja
B. Asid nukleik dan poliakrilamida
C. Lipid dan protein
D. Protein sahaja
E. Lipid sahaja
- 1.4 Tulang belakang asid nukleik terdiri daripada
- A. Ikatan fosfodiester di antara kumpulan hidroksil 2' dengan 5' molekul gula yang berdekatan
B. Ikatan fosfodiester di antara kumpulan hidroksil 3' dengan 5' molekul gula yang berdekatan
C. Ikatan glikosidik di antara kumpulan hidroksil 3' dengan 5' molekul gula yang berdekatan
D. Ikatan glikosidik di antara satu molekul pirimidina dengan gula
E. Ikatan glikosidik di antara satu molekul purina dengan gula

- 3 -

1.5 Jenis daya ikatan yang terlibat di dalam lipatan struktur tersier protein ialah

- I Ikatan hidrogen
 - II Interaksi hidrofobik
 - III Interaksi ionik
 - IV Ikatan kovalen
- A. I dan II benar
- B. I dan III benar
- C. II dan III benar
- D. I, II dan III benar
- E. Semua benar

1.6 pK_a sesuatu asid adalah

- A. sama seperti nilai pH pada kepekatan asid yang tinggi
- B. nilai logaritma $1/K_a$
- C. nilai logaritma $1/(K_a + K_b)$
- D. tinggi dalam asid kuat
- E. nilai darab K_a dan K_b

1.7 Turutan susunan atom yang didapati di dalam tulang belakang polipeptida ialah

- A. C-N-N-C
- B. C-C-N-C
- C. N-C-C-C
- D. C-O-C-N
- E. C-C-O-N

1.8 Pernyataan-pernyataan berikut yang manakah tidak tepat tentang α -amilopektin

- A. ia merupakan karbohidrat simpanan makanan
- B. ia terdiri daripada unit-unit glukosa dan galaktosa
- C. ia menghasilkan warna merah keunguan apabila bertindak balas dengan iodin
- D. ia merupakan polisakarida bercabang
- E. ia salah satu komonen kanji

- 4 -

1.9 Semua kenyataan berikut mencirikan α -amilase KECUALI

- A. Glikogen dan kanji adalah substrat enzim ini
- B. Tindakan boleh melintasi ikatan α - (1-6)
- C. Tindakan boleh melintasi ikatan α - (1-4)
- D. α -amilase tidak boleh menghidrolisiskan selulosa
- E. Glukosa merupakan salah satu hasil tindakan enzim ini

1.10 Enzim fosfofruktokinase yang memainkan peranan penting di dalam glikolisis boleh dicirikan seperti berikut:

- I. enzim alosteri
 - II. menggunakan ATP sebagai substrat
 - III. ATP ialah modulator negatif
 - IV. sitrat ialah modulator positif
 - V. terikat kepada membran mitokondria
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. I, IV dan V
 - E. I, III dan V

1.11 Pemalar Michaelis ialah

- A. Bersamaan dengan $V_{maks}/2$
- B. ialah pemalar keseimbangan untuk penguraian kompleks enzim substrat (ES) kepada enzim (E) dan substrat (S)
- C. Akan meningkat nilainya apabila keafinan enzim untuk substrat meningkat
- D. Kepekatan substrat pada $V_{maks}/2$
- E. Berubah dengan kepekatan substrat

1.12 Semua enzim mempunyai sifat-sifat berikut:

- I. Membentuk kompleks dengan substrat
 - II. Menunjukkan kinetik sigmoid
 - III. Mengurangkan tenaga pengaktifan tindak balas
 - IV. Meningkatkan pemalar keseimbangan tindak balas yang dimangkinkan enzim
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan III
 - D. I, II dan III
 - E. I, III dan IV

- 5 -

1.13 Sesuatu perencat enzim alosteri biasanya

- A. Mengikat pada tapak aktif
- B. Mengambil bahagian dalam pengawalaturan suapbalik.
- C. Menyahasli enzim
- D. Menyebabkan enzim bertindak dengan lebih cepat
- E. Suatu sebatian hidrofobik

1.14 Yang mana berikut bukan fungsi glikolisis

- A. Menghasilkan ATP
- B. Membelah ATP
- C. Menghasilkan FADH₂
- D. Menghasilkan NADH production of NADH
- E. Membentuk piruvat

1.15 Glukosa 6-fosfat ialah

- A. Sejenis bahantara dalam glikolisis
- B. Prekursor dalam sintesis glikogen
- C. Sejenis bahantara dalam glukoneogenesis
- D. Hasil daripada degradasi kolagen
- E. Metabolit utama di dalam sintesis selulosa

1.16 Piruvat ditukarkan kepada laktat dalam metabolisme anaerob. Tindak balas ini menghasilkan

- A. ATP
- B. FAD
- C. NAD⁺
- D. NADP⁺
- E. Dua daripada atas


1.17 ATP dihasilkan dalam

- A. Glikolisis
- B. Kitar asid sitrik
- C. Laluan pentosa fosfat
- D. Glukoneogenesis
- E. Dua daripada di atas

- 1.18 Di dalam glikolisis, setiap molekul glukosa yang dikatabolitkan menghasilkan bersih _____ molekul ATP
- A. 0
B. 2
C. 4
D. 30
E. 36
- 1.19 Tenaga yang dapat dihasilkan daripada kitar asid sitrik disimpan di dalam
- A. ATP
B. NADH
C. FADH₂
D. B sahaja
E. B dan C
- 1.20 Enzim berikut yang manakah terlibat dalam tindak balas pendekarboksilan
- A. Piruvat dehidrogenase
B. Isositrat dehidrogenase
C. α -ketoglutarat dehidrogenase
D. Hanya A dan C sahaja
E. Semua di atas
- 1.21 Jika sesuatu tindak balas berada dalam keadaan keseimbangan, pertukaran tenaga bebas (ΔG) ialah
- A. Sama dengan $-RT\ln K_{eq}$
B. Sama dengan $-nF\Delta E'_o$
C. Sama dengan ΔG°
D. Sama dengan $\Delta G''$
E. Sifar
- 1.22 Sel-sel manusia manakah yang boleh berrespirasi dalam keadaan aerob dan anaerob
- A. sel-sel otot
B. sel-sel darah merah
C. sel-sel otak
D. A dan B sahaja
E. A, B dan C

- 7 -

1.23 Enzim apakah yang memungkin tindak balas di bawah ini:



- A. Kinase
- B. Isomerase
- C. Aldolase
- D. Dehydrogenase
- E. Dekarboksilase

1.24 ΔG° untuk tindak-tindakbalas berikut ialah



Nilai ΔG° untuk Fosfoarginina + H_2O kepada Arginina + Pi ialah

- A. -32.2 kJmol^{-1}
- B. $+32.2 \text{ kJmol}^{-1}$
- C. -28.8 kJmol^{-1}
- D. $+28.8 \text{ kJmol}^{-1}$
- E. $+14.4 \text{ kJmol}^{-1}$

1.25 Di dalam sel eukariot, kebanyakan enzim dalam kitar asid sitrik terletak di dalam

- A. Membran dalam mitokondria
- B. Ruang antara membran mitokondria
- C. Matriks mitokondria
- D. Membran luar mitokondria
- E. Krista

1.26 Kompleks sitokrom c oksidase

- A. Menerima elektron daripada sitokrom c
- B. Menderma 4 elektron kepada O_2
- C. Menghasilkan 2 H_2O bagi setiap O_2 yang diturunkan
- D. Mengelap 2 proton keluar daripada matriks mitokondria .
- E. Semua di atas adalah benar

- 8 -

1.27 Suatu tindak balas redoks melibatkan

- A. Kehilangan elektron
- B. Penerimaan elektron
- C. Suatu agen penurun
- D. Suatu agen pengoksidasi
- E. Semua di atas

1.28. Di dalam sistem pengangkutan elektron:

- A. Atom karbon dioksidakan kepada CO₂
- B. O₂ diturunkan kepada air
- C. P_i and ADP bergabung untuk membentuk ATP
- D. Proton diruang antara membran dipam masuk ke dalam matriks mitokondria.
- E. Pendekarboksilan oksidatif berlaku

1.29 Kenyataan yang tepat tentang pemfosfatan aras substrat

- A. Melibatkan sebatian tenaga tinggi
- B. Menghasilkan ATP
- C. Boleh berlaku di dalam keadaan anaerob
- D. Berlaku di dalam kitar asid sitrik
- E. Semua kenyataan di atas benar

1.30 Antimisin A menghalang pemindahan elektron antara sitokrom b dan sitokrom c₁. Jika mitokondria lengkap dicampur bersama antimisin A, NADH dan O₂ secukupnya, apakah yang akan berada di dalam keadaan teroksidasi?

- A. Sitokrom a
- B. Sitokrom b
- C. Koenzim Q
- D. Koenzim a
- E. Sitokrom c

1.31 Pengangkutan asil CoA dari sitoplasma ke dalam mitokondria untuk dioksidakan adalah melalui tindakan

- A. Feritin
- B. Kamitin
- C. Feridoksin
- D. Pantotenat
- E. Oksitosin

- 9 -

1.32 Turutan tindak balas di dalam pengoksidaan- β asid lemak ialah

- A. Pengoksidaan, penghidratan, tiolisis dan pengoksidaan
- B. Pengoksidaan, penurunan, tiolisis dan pengoksidaan
- C. Pengoksidaan, penghidratan, pengoksidaan dan penurunan
- D. Pengoksidaan, pendehidratan, pengoksidaan dan tiolisis
- E. Pengoksidaan, penghidratan, pengoksidaan dan tiolisis

1.33 Sebatian yang tidak terlibat dalam pencernaan galaktosa kepada glukosa ialah

- A. UDP-glukosa
- B. UDP-galaktosa
- C. Glukosa 6-fosfat
- D. Galaktosa 6-fosfat
- E. Glukosa 1-fosfat

1.34. Tindakan agen penyahganding ke atas pemfosfatan oksidatif boleh dijelaskan oleh kenyataan berikut:

- A. Pemfosfatan ADP kepada ATP berlaku dengan pesat
- B. Pemfosfatan ADP kepada ATP berlaku dengan perlahan
- C. Pemfosfatan ADP kepada ATP berlaku tetapi pengambilan oksigen terhenti.
- D. Pemfosfatan ADP kepada ATP tidak berlaku tetapi pengambilan oksigen diteruskan.
- E. Pengangkutan elektron terencat

1.35 Apakah laluan yang terlibat sekiranya sel memerlukan lebih NADPH daripada ribosa 5-fosfat?

- A. Laluan pentosa fosfat dan glukoneogenesis
- B. Laluan pentosa fosfat dan glikolisis
- C. Glikolisis dan glukoneogenesis
- D. Laluan pentosa fosfat sahaja
- E. Glukoneogenesis sahaja

1.36 Kenyataan-kenyataan berikut adalah benar tentang ATPase kecuali

- A. Terletak di bahagian matriks mitokondria dalam membran dalam mitokondria.
- B. Direncat oleh oligomisin
- C. Mengandungi satu terusan proton
- D. Mengikat kepada oksigen
- E. Memangkinkan pemfosfatan ADP kepada ATP

- 10 -

- 1.37 Faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan halaju tindak balas berenzim ialah
- I Enzim mengurangkan tenaga bebas antara substrat dan hasil.
 - II Enzim berkompleks dengan substrat untuk membentuk bahan perantara tidak stabil yang boleh berubah bentuk dengan mudah.
 - III Enzim menyumbangkan kumpulan-kumpulan logam dan ester yang boleh bertindak sebagai penerima atau penderma proton.
 - IV Enzim mengikat kepada substrat supaya ikatan sasaran berdekatan dengan kumpulan pemangkinan di tapak aktif.
- A. I, III, IV
 - B. I dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. III dan IV
 - E. I, II dan IV
- 1.38. Di dalam yis, laluan glikolisis dipanggil _____ dan hasil yang diperolehi ialah _____
- A. laluan pentosa fosfat/asid piruvik
 - B. fermentasi laktat/asid laktik
 - C. fermentasi laktat/etanol
 - D. fermentasi alkohol/asid laktik
 - E. fermentasi alkohol/etanol
- 1.39. Laluan proses pembentukan glukosa daripada piruvat adalah sama dengan laluan glikolisis kecuali pada tindak balas berikut:
- I. Piruvat kepada Fosfoenolpiruvat
 - II. Fruktosa 1,6 difosfat kepada fruktosa 6-fosfat
 - III. Glukosa 6-fosfat kepada glukosa
 - IV. Dihidroksiaseton fosfat + gliseraldehid 3-fosfat kepada fruktosa 1,6 difosfat
 - V. Asid 2-fosfogliserik kepada asid 3-fosfogliserik
- A. I, II dan III
 - B. II, III dan IV
 - C. III, IV dan V
 - D. II, IV dan V
 - E. I, II dan IV

- 11 -

1.40. Enzim-enzim berikut berperanan sebagai pengawalatur Kitar Asid Sitrik

- I. Fosfofruktokinase
 - II. Piruvat dehidrogenase
 - III. Sitrat sintase
 - IV. Isositrat dehidrogenase
 - V. Fumarase
- A. I dan III
 - B. II dan IV
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II dan IV
 - E. II, III, IV dan V

Bahagian B (Jawab 3 daripada 4 soalan)

2. Data di bawah diperolehi daripada suatu eksperimen kinetik enzim yang dijalankan tanpa perencat dan di dalam kehadiran perencat-perencat A dan B secara berasingan.

[S]mol/liter ($\times 10^{-4}$)	v_o ($\mu\text{mol}/\text{min}$)	v_o ($\mu\text{mol}/\text{min}$) [A] = $5 \times 10^{-4}\text{M}$	v_o ($\mu\text{mol}/\text{min}$) [B] = $3.2 \times 10^{-6}\text{M}$
5.0	1.25	0.74	0.48
2.5	0.87	0.45	0.33
1.7	0.67	0.32	0.25
1.2	0.64	0.25	0.20
1.0	0.45	0.21	0.17

- [a] Tentukan K_m dan V_{maks} bagi enzim ini.
- [b] Tentukan jenis perencatan oleh Perencat A dan Perencat B. Beri alasan untuk jawapan anda.
- [c] Hitungkan K_j bagi Perencat A.

(20 markah)

3. Mengapakah anda merasa letih, lenguh otot-otot dan bernafas dengan tercunggap-cunggap setelah berlari pecut 200 m? Terangkan dengan terperinci bagaimana sel-sel otot memperolehi tenaga dalam keadaan ini.

(20 markah)

4. Dengan menggunakan gambarajah,uraikan proses dan mekanisme pengangkutan elektron serta nyatakan dengan jelas tapak-tapak penghasilan ATP.

(20 markah)

5. Tulis nota-nota tentang dua daripada tajuk berikut:

- [a] Struktur dan fungsi membran.
- [b] Persamaan dan perbezaan antara DNA dan RNA.
- [c] Pengaktifan dan pengangkutan asid lemak ke dalam mitokondria untuk dioksidakan.
- [d] Pencernaan piruvat dalam keadaan aerob dan anaerob.

(20 markah)